

NOTA PANDUAN SKALA GELONGSOR ASMA

Skala Gelongsor Asma telah dibangunkan oleh *International Primary Care Respiratory Group* (IPCRG) iaitu sebuah pertubuhan amal yang berasaskan klinikal, untuk mencetuskan perbualan mengenai pergantungan berlebihan pada *short-acting beta₂ agonists* (SABA) dalam pengurusan asma. Kami berpendapat bahawa ini merupakan sebuah masalah global yang sering kali tidak ditangani. Perbualan ini mungkin melibatkan preskriber, pendidik asma, pegawai farmasi, dan pesakit.

Sebagai pendekatan gerakan sosial yang semakin berkembang, kami kini mengadakan perbualan 1:1 di dua belas negara antara anggota kesihatan yang berminat dalam asma dan rakan sekerja profesional (preskriber, pendidik asma, pegawai farmasi), serta antara individu yang menghadapi asma dan anggota kesihatan. Cuba lihat bagaimana anda boleh menggunakannya untuk memulakan perbualan.

Nota panduan ini menyediakan langkah-langkah dan soalan yang boleh ditujukan ketika menggunakan Skala Gelongsor Asma. Ubah suai mengikut kesesuaian individu yang sedang berkomunikasi dengan anda sewajarnya. Maklumat lanjut, termasuk sebuah video pendek yang menunjukkan cara menggunakan Skala Gelongsor Asma, boleh didapati di www.ipcrg.org/AsthmaRightCare and www.ipcrg.org/asthma-right-care/videos

NOTA

Terdapat beberapa penyedut asma yang tidak mengandungi 200 sedutan. Oleh itu, sila semak jumlah sedutan dalam penyedut asma yang anda preskripsi, edarkan atau gunakan, dan ubah suai nasihat anda dengan sewajarnya. Semoga anda berjaya dalam perbualan menggunakan Skala Gelongsor Asma dan terima kasih kerana menyertai program ini. Sila berikan sebarang komen, cadangan, dan maklum balas kepada projectsupport@ipcrg.org

Pasukan *The Asthma Right Care*

Jun 2023

BACAAN LANJUT

Royal College of Physicians UK National Review of Asthma Deaths (Tinjauan Kematian Akibat Asma oleh Kolej Diraja Doktor Kebangsaan UK) www.rcplondon.ac.uk/projects/national-review-asthma-deaths


National Institute for Health and Care Excellence summary of the NRAD evidence (Ringkasan bukti NRAD oleh Institut Kebangsaan untuk Kesihatan dan Penjagaan Cemerlang) www.nice.org.uk/advice/ktt5/chapter/evidence-context

"Daripada 189 orang yang menggunakan penyedut pelega bertindak pantas (*short-acting reliever inhalers*) pada waktu kematian, jumlah preskripsi diketahui bagi 165 orang, dimana 65 daripada mereka (39%) telah diberikan lebih daripada 12 penyedut pelega bertindak pantas pada tahun tersebut sebelum mereka meninggal, sementara 6 orang (4%) telah diberikan lebih daripada 50 penyedut pelega. Mereka yang diberikan lebih daripada 12 penyedut pelega berkemungkinan besar mempunyai asma yang kurang terkawal. Untuk mematuhi saranan, kebanyakan orang biasanya memerlukan sekurang-kurangnya 12 preskripsi pencegahan setiap tahun. Dari 168 orang yang menggunakan penyedut pencegah (*preventer inhalers*) pada waktu kematian, sama ada secara sendirian atau gabungan, jumlah preskripsi diketahui bagi 128 orang, dimana 49 daripada mereka (38%) didapati telah diberi kurang daripada 4 penyedut pencegah dan 103 (80%) telah diberi kurang daripada 12 penyedut pencegah pada tahun sebelumnya."

Global Strategy for Asthma Management and Prevention 2023. (Strategi Global untuk Pengurusan dan Pencegahan Asma 2023.) www.ginasthma.org

Demi keselamatan, GINA tidak mengesyorkan rawatan asma pada orang dewasa, remaja, dan kanak-kanak berumur 6–11 tahun dengan ubat *short-acting beta₂ agonists* (SABA) sahaja. Sebaliknya, mereka harus menerima rawatan yang mengandungi ubat sedutan yang mengandungi steroid untuk mengurangkan risiko mereka terhadap serangan asma yang serius dan untuk mengawal gejala. Terdapat bukti kukuh bahawa rawatan SABA sahaja, walaupun memberikan kelegaan jangka pendek terhadap gejala asma, tidak melindungi pesakit daripada serangan asma yang teruk, dan penggunaan SABA secara berterusan atau kerap meningkatkan risiko serangan asma.

Nota-nota ini dihasilkan daripada projek rintis *Asthma Right Care*. Ia adalah bersifat nasihat dan bertujuan untuk kegunaan umum dan tidak boleh dianggap sebagai terpakai untuk kes tertentu. Anggota kesihatan harus menggunakan pertimbangan profesional masing-masing dan mengambil kira peraturan serta garis panduan tempatan atau nasional. Ia tidak dimaksudkan untuk memberikan nasihat perubatan peribadi atau menggantikan nasihat daripada doktor seseorang individu dan tidak boleh dianggap sebagai panduan klinikal atau diagnosis. IPCRG telah menerima pembiayaan daripada AstraZeneca yang digunakan untuk membangunkan Inisiatif *Asthma Right Care* secara bebas.



NOTA PANDUAN SKALA GELONGSOR ASMA

PILIHAN 1

JIKA ANDA SUDAH MEMPUYAI
HUBUNGAN DENGAN INDIVIDU TERSEBUT

LANGKAH 1

Serahkan Skala Gelongsor Asma kepada rakan sekerja/individu yang menghidap asma dan minta mereka menggunakan gelongsor untuk menjawab soalan:

Berapa banyak SABA yang anda fikir sesuai untuk seorang penghidap asma sebelum anda mencadangkan penilaian semula?

ATAU

Berapa banyak penggunaan SABA oleh pesakit (cth: bilangan kanister/sedutan) yang akan membimbangkan anda?

ATAU jika anda seorang anggota kesihatan bersama seorang pesakit, tanyakan soalan ini selepas Soalan 4 dari ACT™*:

“Dalam 4 minggu terakhir, berapa kerap anda telah menggunakan penyedut pelega/SABA atau ubat nebulizer?”

[Lihat Skala Gelongsor untuk jawapan yang mungkin]

LANGKAH 2

PENJELASAN DAN SOALAN

Anda telah memberi jawapan 6 kanister dalam setahun. Itu bersamaan dengan 23 sedutan seminggu; > 3 sedutan sehari.

Apa pendapat anda setelah melihat perkara itu?

Sebelum ini, anda menyebut >8 sedutan seminggu akan membimbangkan anda. Selepas melihat peraturan ini, adakah anda akan melakukan sesuatu yang berbeza?

Apa pendapat anda tentang mempunyai SABA dalam preskripsi berulang?

PILIHAN 2

JIKA INDIVIDU ITU TIDAK DIKENALI OLEH ANDA

LANGKAH 1

PENGUMPULAN MAKLUMAT (SOALAN “PENEROKAAN” YANG BOLEH ANDA GUNAKAN)

- Pengenalan – Hello, nama saya..... Saya ingin bercakap dengan anda untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan *salbutamol/albuterol/short-acting beta₂ agonists* (SABA)/penyedut [warna] biru untuk asma.
- Apa yang anda tahu tentang penggunaan SABA dalam asma dan fungsinya?
- Berapa bilangan kanister SABA bagi setiap pesakit asma yang biasanya anda edarkan di farmasi ATAU yang dipreskripsi oleh klinik ATAU yang anda gunakan sebagai pesakit asma? [Nota: anda boleh memilih untuk bertanya sehari/ seminggu/ setahun, atau tunggu untuk melihat tempoh yang mereka nyatakan].
- Berapa bilangan kanister/sedutan SABA yang digunakan oleh seorang pengidap asma yang akan membimbangkan anda?
- Mengapa anda memilih jumlah itu?
- Apa pendapat anda mengenai masalah pergantungan berlebihan pada SABA? (jika anda tidak pasti, sila rujuk Bacaan Lanjutan).
- Bagi pesakit asma yang terkawal dengan baik, berapa kali anda fikir pesakit akan menggunakan penyedut SABA/warna biru dalam seminggu?

LANGKAH 2

PENJELASAN DAN SOALAN PERBINCANGAN LANJUTAN

(Beri perhatian kepada mereka yang kurang mengetahui kuantiti sebenar). Contoh, jika mereka katakan 6 dalam setahun.

- Pasukan *Asthma Right Care* telah menghasilkan Skala Gelongsor Asma. Anda telah menyebut bahawa anda biasanya akan mengedarkan/ mempreskripsi /menggunakan 6 kanister dalam setahun. Itu bersamaan dengan 23 sedutan setiap minggu> 3 sedutan sehari.
- Apakah pendapat anda selepas melihatnya?
- Sebelum ini, anda menyebut > 8 sedutan seminggu. Adakah ini akan membimbangkan anda? Selepas melihat skala ini adakah anda akan melakukan sesuatu secara berbeza?
- Apakah pendapat anda mengenai preskripsi ulangan untuk penggunaan SABA

PILIHAN 1 DAN 2

LANGKAH 3

Balikkan Skala Gelongsor Asma untuk menunjukkan bahagian belakang untuk mengadakan perbualan baharu berkaitan motivasi. Gelongsor harus dialihkan kembali ke sebelah kiri sebelum bertanya Soalan 2.

- Pada skala 0–10 sejauh manakah anda rasa yakin untuk berbual dengan seseorang yang menghidap asma/doktor/pegawai farmasi/jururawat tentang mengurangkan dos SABA? [Minta mereka gerakkan Skala Gelongsor Asma ke nombor yang paling menggambarkan tahap keyakinan mereka].
- Anda berkata [6] mengapa tidak 4 atau 5? Apa yang akan menjadikannya 7?
- Pada skala 0-10, betapa pentingnya anda mengatur ulasan berdasarkan jawapan yang anda berikan kepada bilangan sedutan SABA?